


Headline **Kolej Risda komited lahirkan usahawan tani**
Date **22. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Harian Metro** Page No **8**
Section **Supplement** Article Size **138** cm2
Circulation **336603** Frequency **Daily**
Readership **2192000** Color **Full Color**



Kolej Risda komited lahirkan usahawan tani

MENYEDARI betapa pentingnya sektor pertanian, Kolej Risda menyediakan peluang melanjutkan pelajaran di bidang pertanian.

Kolej ini menawarkan dua program dalam bidang pertanian iaitu Diploma Pertanian dan Diploma Pengurusan Ladang iaitu program kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UITM).

Selain itu, program Pra Diploma Sains ditawarkan sebagai 'feeder' kepada program Diploma Pengurusan Ladang.

Ketiga-tiga program ini dijalankan di kampus utama Kolej Risda iaitu di Ayer Pa'abas, Melaka. Pelaksanaan tiga program ini akan menambahkan lagi bilangan usahawan tani dan

tenaga kerja profesional.

Kursus baru dalam bidang pertanian sedang diusahakan untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu program Diploma Pengurusan Landskap & Hortikultur dan Diploma Kesihatan Haiwan & Peternakan.

Program Diploma Pertanian adalah kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kualiti pembelajaran dikawal selia UPM.

Bermula pengambilan sesi Julai 2008, Kolej RISDA menawarkan program Diploma Pengurusan Ladang dan Pra Diploma Sains. Program ini kerjasama UITM.

Dengan tenaga pengajar berpengalaman, Kolej Risda komited

melahirkan graduan mahir dengan menggunakan pendekatan pertanian komersial berskala besar.

Kolej Risda memiliki kampus panoramik menyediakan kemudahan lengkap bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Pendaftaran terbuka Kolej Risda dilakukan mulai jam 9 pagi hingga 4 petang. Sila bawa salinan sijil (SPM/STPM/sijil lain), kad pengenalan, sijil lahir dan sijil berhenti sekolah/tamat pengajian yang disahkan.

Hubungi 03-42571677/42572677 (ibu pejabat) dan 06-5529227/5529642 (Kolej Risda Melaka) atau layari laman web www.kolejrisda.edu.my